JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) di bawah kod bidang yang berkaitan dan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi tender berikut:-

NO. TENDER	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT
JAIS.UPP.400- 5/8/10 (27/28)(R)	Tender Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS) Shah Alam	220801 & Lesen Kawalan Keselamatan (KDN)	Tarikh : 06 November 2026 (Jumaat) Masa : 9.30 Pagi Tempat : Bilik Kuliah Sakinah, Aras G, Bangunan Sultan Idris Shah (BSIS), 40476 Shah Alam

Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat tender seperti butiran di atas. Hanya penama dalam pendaftaran syarikat dengan Kementerian Kewangan sahaja dibenarkan hadir ke sesi taklimat. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat. Kegagalan menghadiri taklimat tender akan menyebabkan petender **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam tender tersebut.

Petender hendaklah **menyediakan cop syarikat, salinan Kad Pengenalan Penama, salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) seperti kod bidang yang disenaraikan di atas, salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (sekiranya berkaitan) dan Salinan Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) (untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan) yang masih sah tempohnya untuk pengesahan** sebelum dibenarkan menghadiri taklimat dan membeli dokumen. Satu (1) set sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan JAIS ini semasa menghadiri taklimat.

Harga Dokumen Tender ialah **RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)**. Bayaran hendaklah dibuat melalui Sistem Tender Selangor di laman http://tender.selangor.my mulai **10 November 2026 (Selasa). Dokumen Tender hanya boleh diambil secara fizikal oleh pemilik syarikat atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis oleh penama di dalam sijil MOF** dengan mengemukakan dokumen berikut:

i. **Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang berdaftar kod bidang seperti dinyatakan.**

i. **Resit Pembelian Borang Tender**

iii. **Cop Syarikat**

Kesemua (i,ii dan iii) hendaklah dibawa ke **Seksyen Perolehan, Jabatan Agama Islam Selangor, Tingkat 8, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam** pada hari bekerja bermula **11 November 2026 (Rabu)** jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Hanya satu (1) dokumen tender dibenarkan untuk satu (1) syarikat.

Dokumen dan Borang Tawaran Tender hendaklah dikemukakan mengikut format borang yang telah ditetapkan, diisi dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dituliskan nombor tender di sebelah atas kiri sampul surat tersebut seterusnya dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

Jabatan Agama Islam Selangor,
Unit Pentadbiran dan Perolehan,
Tingkat 8, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40676 Shah Alam, Selangor

Tarikh tutup tender adalah pada **19 November 2026 (Khamis) jam 12.00 tengahari**. Tender yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana permohonan tender yang dikirimkan melalui pos. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pejabat ini di talian 03-5514 3453.